

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
TINGKAT BAWAH, WISMA MISC, KUALA LUMPUR
UPACARA PEMBUKAAN MUZIUM MISC
30 MAC 1992

Yang Mulia Raja Tan Sri Muhammad Alias bin Raja Muhammad Ali, Pengerusi MISC;
Ahli-ahli Lembaga Pengarah MISC; Dif-dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan,

Terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Pengerusi dan Lembaga Pengarah MISC kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan pembukaan Muzium MISC pada hari ini.

2. Saya sungguh gembira menerima jemputan ini kerana kewujudan sebuah lagi Muzium boleh menambahkan lagi daya tarikan bandaraya Kuala Lumpur. Sebagai sebuah syarikat perkapalan nasional, adalah tepat sekali bagi MISC mengambil inisiatif untuk mewujudkan Muzium Maritim ini. Saya mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli Lembaga MISC. Ini membuktikan bahawa sebagai warganegara korporat MISC mengambil berat dan bertanggungjawab untuk memperkayakan kegiatan kebudayaan bandaraya.

3. Mengadakan sebuah Muzium Maritim adalah selaras dengan hasrat kita untuk menjadikan Malaysia negara maritim. Projek ini tentu sekali dapat mengingatkan kita bahawa Malaysia sememangnya memiliki tradisi maritim yang kaya, satu kenyataan yang barangkali tidak dihargai sepenuhnya oleh mereka yang tinggal dan bekerja di bandar-bandar yang terletak jauh dari laut. Di samping itu juga, Muzium ini akan dapat memberi manfaat yang besar kepada wargakota bandaraya Kuala Lumpur kerana Muzium ini berlokasi yang strategik dan boleh dilawati untuk menimba pengetahuan mengenai tradisi maritim kita. Peluang ini akan lebih menguntungkan mereka yang tidak mempunyai peluang untuk melihat, apatahlagi menaiki dan belayar dalam sebuah kapal laut. Saya berharap wargakota Kuala Lumpur akan menggunakan kesempatan ini sepenuhnya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Saya pasti Muzium yang telah dirancang dengan teliti dan digubahsusun dalam suasana menarik ini akan dapat memberi manfaat kepada pelajar-pelajar, khususnya mereka yang belum membuat keputusan mengenai kerjaya yang akan diceburi selepas meninggalkan bangku sekolah kelak. Lawatan ke Muzium ini akan dapat membantu mereka menyedari bahawa laut menawarkan peluang-peluang kerjaya yang menarik lagi mencabar, terutamanya bagi pemuda-pemuda Malaysia yang sukakan cabaran. Inilah satu bidang kerjaya yang masih belum diberi liputan yang cukup oleh penasihat-penasihat kerjaya di sekolah-sekolah kita.

5. Walaupun hanya segelintir kelak daripada mereka yang melawat Muzium ini akan terdorong untuk memilih kerjaya di laut, hakikat ini cukup membuktikan tentang

perlu negara kita mewujudkan Muzium ini. Yang semakin ketara, ialah kita perlu lebih ramai lagi warganegara Malaysia yang berkelayakan dan mempunyai latihan untuk berkhidmat dengan angkatan kapal. Ini akan memastikan wujudnya keperluan asas bagi membolehkan kita mengharungi pembangunan perindustrian yang pesat di Malaysia. Untuk tujuan tersebut kita mempunyai kemudahan latihan di ALAM, Akademi Maritim kita di Melaka.

6. Bagi mereka yang memilih untuk berkhidmat di laut pasti akan mendapat ganjaran yang lumayan kerana terdapat beberapa insentif untuk para pelaut. Ini adalah kerana Kerajaan menggalakkan pertumbuhan industri perkapalan di Malaysia. Mungkin tidak ramai yang mengetahui bahawa pendapatan mereka yang berkhidmat di kapal laut dikecualikan sepenuhnya daripada cukai pendapatan.

7. Di samping mengingatkan mengenai tradisi maritim kita, mendidik generasi muda dan membantu mereka dalam menentukan kerjaya mereka di masa depan, Muzium Maritim ini juga sedikit sebanyak dapat mengatasi kekurangan maklumat berhubung dengan sejarah maritim kita.

8. Muzium ini dengan sendirinya tentu sekali tidak mungkin dapat mengisi kekurangan tersebut sepenuhnya. Dalam hal ini, saya berharap lebih ramai warganegara Malaysia yang kreatif dan mahir dalam bidang penulisan dan seni menumpukan bakat mereka mencatat dan mengabadikan pembangunan penting sejarah maritim kita. Sekiranya ini tidak dilakukan, saya kawatir kita akan kehilangan satu rekod peristiwa yang perlu disimpan untuk generasi akan datang. Kita tidak kurang dengan warganegara Malaysia yang kreatif dan berbakat. Apa yang penting ialah supaya kita menggalakkan mereka terus berminat dengan bidang ini dan mengingatkan mereka bahawa bidang ini juga memerlukan perhatian mereka.

9. Muzium ini boleh dianggap sebagai satu permulaan positif untuk memenuhi kekosongan yang terdapat di negara kita. MISC harus dipuji atas inisiatif mereka mengambil tindakan ini. Lebih memberangsangkan lagi ialah MISC mengalukan komen dan cadangan untuk memperbesar dan mengubahsuai Muzium ini.

10. Adalah menjadi harapan saya agar perbadanan-perbadanan lain di Malaysia dapat mencontohi langkah MISC ini dan memikirkan bagaimana mereka sebagai warganegara korporat juga boleh menyumbang bagi memperkayakan lagi budaya kita. Saya menyedari beberapa buah perbadanan lain telahpun membuat sumbangan yang bermakna yang dapat membantu memperkayakan perbendaharaan pengetahuan dan dunia seni kita. Walau bagaimanapun, masih banyak lagi yang boleh dan perlu dibuat oleh warganegara korporat yang lain.

11. Kekurangan sumber kewangan bukanlah faktor penentu dan tidak harus dijadikan alasan oleh perbadanan-perbadanan untuk tidak memainkan peranan mereka dalam hal ini. Langkah pertama secara kecil-kecilan boleh dikemukakan dan projek tersebut boleh dibesar dan dipertingkatkan apabila kedudukan kewangan mengizinkan. Apa yang diperlukan ialah komitmen untuk membuat sumbangan bagi manfaat semua

warganegara Malaysia. Saya percaya sektor korporat kita tidak ketandusan komitmen seperti ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Dalam usaha kita menggorak langkah untuk mencapai status negara maju adalah penting kita bergiat dengan lebih pesat lagi untuk meningkatkan ilmu serta mutu kebudayaan dalam kehidupan kita.

13. Muzium Maritim MISC merupakan satu sumbangan bermakna ke arah matlamat ini.

14. Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Muzium MISC dan berharap Muzium ini akan dapat memberi kepuasan kepada setiap pelawat daripada berbagai-bagai golongan.